

Pulau Pinang, Kedah, Perak terjejas kerana fenomena cuaca dari Laut China Selatan

Tekanan udara rendah jadi punca

KUALA LUMPUR - Kejadian hujan lebat luar biasa yang melanda negeri Pulau Pinang serta sebahagian Kedah dan Perak sejak malam kelmarin berpunca daripada kehadiran kawasan tekanan udara rendah.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Alui Bahari berkata, kawasan tersebut menjadi lokasi penumpuan angin dan kelembapan yang tinggi menghasilkan hujan lebat yang berterusan beserta angin kencang.

"Kejadian hujan lebat luar biasa yang melanda Pulau Pinang dan sebahagian negeri Kedah bermula kelmarin sehingga semalam disebabkan oleh kehadiran kawasan tekanan udara rendah.



ALUI BAHARI



FREDOLIN

"Pembentukan kawasan tekanan udara rendah ini mula terbentuk di Laut China Selatan sejak penghujung bulan lalu dan seterusnya bergerak merentasi selatan Thailand sebelum berada di utara Semenanjung Malaysia kelmarin," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, banjir yang melanda beberapa kawasan di utara Semenanjung dijangka pulih daripada kawasan tekanan udara rendah esok.

"Kejadian banjir dijangka pulih esok, namun cuaca mendung dan kadangkala hujan akan berlaku di negeri-negeri utara Semenanjung hari ini (semalam)," ujarnya.

Kata kenyataan itu, METMalaysia telah mengeluarkan amaran



LAKARAN pergerakan angin yang berlawanan arah jam yang membawa angin kuat dan hujan lebat di Pulau Pinang sejak kelmarin.

ran hujan lebat peringkat kuning pada Rabu lalu yang melibatkan negeri Kelantan, Terengganu, Perak, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

"Menjelang malam semalam (kelmarin), hujan dilihat semakin lebat menyebabkan METMalaysia meningkatkan tahap



BANJIR besar melumpuhkan bandar raya George Town selepas air naik sehingga lebih tiga meter semalam.

amaran hujan lebat kepada peringkat merah untuk Pulau Pinang dan sebahagian Kedah," ujarnya.

Sementara itu, Profesor Klimatologi dan Oseanografi Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Fredolin Tangang berkata, kejadian taufan yang berlaku di Vietnam

bukan penyebab hujan lebat di utara Semenanjung sebaliknya akibat tekanan udara rendah.

Katanya, tekanan udara itu seolah-olah tidak bergerak dan bertumpu di Pulau Pinang sepanjang hari Sabtu dalam keadaan tiupan angin melawan arah jam.